

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 OGOS 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Talian hayat maya	Harian Metro
2.	Perak antara negeri pengeluar ikan hiasan terpenting	BERNAMA
3.	Laporan DNA sahkan sampel tulang babi	Berita Harian
4.	Sah tulang babi	Harian Metro
5.	Ribut petir di perairan Sabah, Sabah, Sabah berterusan sehingga malam ini	BERNAMA
6.	Ribut petir dijangka berterusan lewat malam ini	BERNAMA
7.	Ribut Petir dijangka berterusan hingga tengah hari	BERNAMA
8.	Kerja turap jalan di susur persimpangan bertingkat Pusat Sains Negara	BERNAMA
9.	Prof Datuk Dr Musa Ahmad dilantik Naib Canselor USIM baharu	BERNAMA

TALIAN HAYAT MAYA

■ Mangsa buli alam siber pasang niat bunuh diri akibat tekanan perasaan

Oleh Mohd Izwan Baharin,
 Mohd Firdaus Ibrahim, Yuzmizal
 Dolah Aling dan Rizanizam Abdul Hamid
 am@hmetro.com.my
 Kuala Lumpur

Seorang daripada empat pelajar sekolah di negara ini mengakui pernah menjadi mangsa buli di alam siber sehingga mendorong segelintir mereka memasang niat mahu membunuh diri akibat tekanan perasaan melampau.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, penemuan itu hasil kajian pihaknya dengan kerjasama syarikat telekomunikasi DiGi Telecommunications Sdn Bhd (DiGi) dan Kementerian Pendidikan melalui program CyberSAFE pada tahun lalu.

Menurutnya kajian membabitkan 9,651 pelajar di 459 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara itu turut mendapati kes buli siber sangat serius.

Beliau berkata, berdasarkan laporan yang diterima menerusi Pusat Bantuan Cyber999, kes buli siber meningkat daripada 250 kes pada 2012 kepada 389 kes tahun lalu.

"Hasil kajian melalui program CyberSAFE juga mendapati 26 peratus atau 2,509 pelajar mengaku pernah menjadi mangsa buli siber manakala seramai 1,255 pelajar lagi mengaku mereka sedang menjadi mangsa buli.

"Namun apa yang menarik, saukan saya adalah sebanyak enam peratus atau 580 pe-

lajar lagi mengaku mereka tidak akan memberitahu sesiapa sekiranya dibuli.

"Sebenarnya, amat penting untuk mereka mengadu hal berkenaan bagi mengelak gangguan emosi yang boleh mendorong mereka bertindak di luar batasan," katanya ketika ditemui Harian Metro di pejabatnya di Seri Kembangan di sini.

Dr Amirudin berkata, perkara itu sudah dibuktikan apabila Pusat Bantuan Cyber999 turut menerima aduan ada pelajar yang menyatakan niat mahu membunuh diri ke-

rana terlalu tertekan dengan situasi yang dihadapi selain kebanyakan mereka mengadu meminta pertukaran sekolah.

"Apabila menerima kes sebegini, kami menyalurkan maklumat berkenaan kepada pihak berwajib seperti polis ataupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan susulan kerana CyberSecurity Malaysia bertindak secara teknikal bagi membantu agensi penguatkuasa undang-undang," katanya.

Amirudin berkata, kajian itu turut mendapati FB dan blog menjadi medium paling tinggi digunakan pembuli siber iaitu 32 peratus diikuti SMS (20 peratus), panggilan telefon (13 peratus), akaun laman sosial digodam (11 peratus), mesej segera dan e-mel masing-masing sembilan peratus, video dan Youtube lapan peratus dan medium lain empat peratus.

Beliau berkata, bagi golongan dewasa, ia dipanggil gangguan siber di mana mangsa mungkin diaibkan di laman sosial oleh pihak tertentu.

Menurutnya, gangguan siber membabitkan beberapa kategori iaitu mengintip di alam siber, gangguan seksual, agama, perkauman dan buli jika membabitkan pelajar sekolah.

"Gangguan alam siber ialah apa saja bentuk gangguan dalam bentuk digital. Di bawah SKMM, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) mempunyai dua peruntukan utama yang membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas aduan berkaitan kandungan jelic di Internet iaitu

Seksyen 211 dan Seksyen 233 yang jika sabit kesalahan boleh didenda atau dipenjarakan," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai yang menjadi mangsa gangguan siber supaya menghubungi Pusat Bantuan Cyber999 supaya tindakan dapat diambil.


Beliau berkata, antara langkah lain dilaksanakan pihaknya ialah melatih lebih 500 guru sebagai duta kepada program CyberSAFE bagi meningkatkan kesedaran keselamatan siber di sekolah.



“Hasil kajian melalui program CyberSAFE juga mendapati 26 peratus atau 2,509 pelajar mengaku pernah menjadi mangsa buli siber manakala seramai 1,255 pelajar lagi mengaku mereka sedang menjadi mangsa buli”

Dr Amirudin Abdul Wahab

Kajian yang dijalankan CyberSecurity Malaysia melalui program CyberSAFE di sekolah seluruh Malaysia mendapati:



Pengalaman Internet
 Lebih separuh pelajar mendapat pengalaman pertama menggunakan Internet melalui keluarga dan saudara mereka

Sejauh mana selamatnya pelajar sekolah di alam maya?
 49% tahu rakan mereka menjadi mangsa buli siber



Jenis buli biasa di alam maya

- > Memberi gelaran buruk
- > Mesej kasar
- > Boikot
- > Sebarang penipuan
- > Godam
- > Gambar/video mengaibkan
- > Kongsi maklumat peribadi
- > Ugutan

1/3 pelajar mengaku mereka tidak akan membuat perubahan terhadap kata kunci walaupun tahu ia lemah

32% menggunakan kata kunci sama untuk semua akaun laman sosial menyebabkan mereka menjadi sasaran mudah pembuli.

4/10 keluarga tidak pernah memberitahu anak mereka cara melindungi diri secara online

88% pelajar memberitahu amat penting untuk mempelajari kaedah keselamatan penggunaan Internet

38% tidak tahu melindungi diri mereka di alam maya



- Ramai masih meletakkan maklumat peribadi di Internet berisiko tinggi digodam pihak tidak bertanggungjawab apabila menggunakan kata kekunci yang mudah ditek
- 123456
 - password
 - 12345678
 - qwerty
 - abc123
 - 123456789
 - 11111
 - 1234567
 - iloveyou
 - adobe123
 - 123123
 - admin
 - 1234567890
 - letmein
 - photoshop
 - 1234
 - monkey
 - shadow
 - sunshine
 - 12345
 - password1
 - princess
 - azerty
 - trustno1
 - 000000



Perak Antara Negeri Pengeluar Ikan Hiasan Terpenting

IPOH, 15 Ogos (Bernama) -- Perak adalah antara negeri pengeluar ikan hiasan terpenting dengan rekod pengeluaran sebanyak 52,285,149 ekor yang bernilai RM70,223,503.65 pada 2013, kata Ketua Pengarah Perikanan Datuk Ahamad Sabki Mahmood.

Beliau berkata kawasan ternakan ikan hiasan utama di Perak ialah di Lawan Kuda dekat Gopeng; Tronoh; Sungai Siput dan Kerian selain di Johor serta Selangor.

"Malaysia antara pengeluar ikan hiasan yang utama di dunia dengan merekodkan pengeluaran lebih 400 juta dengan nilai lebih RM600 juta, dan negeri Perak merupakan pengeluar ikan hiasan yang penting," katanya kepada pemberita selepas Majlis Interaksi dan Ramah Mesra Aidilfitri di sini hari ini.

Ahamad berkata kerajaan negeri telahpunewartakan Zon Industri Akuakultur (ZIA) Kampung Lawan Kuda dekat Gopeng, yang merangkumi kawasan seluas 402 hektar dan dicadang untuk projek ternakan ikan hiasan sahaja.

"Kerajaan negeri telah menurunkan kuasa berkaitan pemilikan tanah ZIA Lawan Kuda kepada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) dan kira-kira 66 pengusaha ikan hiasan di kawasan ini telah berdaftar dengan Unit Biosekuriti Perikanan Negeri Perak," katanya.

Sementara itu, mengulas dakwaan di laman sosial Facebook bahawa kolam Ikan Patin diberi makan bangkai babi, Ahamad berkata siasatan Pejabat Perikanan Negeri Perak dan Ketua Daerah Perikanan mendapati keadaan di kawasan terbabit kering serta dipercayai air dari atas bukit melimpah ke kolam ternakan menyebabkan 'outlet' kolam tercabut.

"Di dasar kolam yang kering, terdapat banyak bangkai ikan dan timbunan tulang disyaki tulang khinzir.

"Sampel tulang telah diambil dan dihantar ke [Jabatan Kimia, Petaling Jaya](#) untuk pengesahan DNA khinzir pada 10 Julai lepas," katanya sambil menambah laporan DNA jabatan berkenaan mengesahkan analisis ke atas sampel tulang yang dihantar membuktikan ia adalah bangkai babi.

Beliau berkata sehubungan itu, Jabatan Perikanan mencadangkan semua ladang ternakan akuakultur berdaftar dengannya untuk tujuan pemantauan.

"Semua ketua daerah perikanan juga dipohon agar dapat mengenal pasti ladang dan membuat penyenaian bagi pemantauan di peringkat daerah," katanya.

-- BERNAMA

